

---

---

# KETERANGAN KADI BESAR KELANTAN TERBALIK

---

---

[Di bawah ini kita siarkan makalah yang ditulis oleh Cif Kadi Kelantan yang telah sampai ke tangan kita pada penghujung bulan yang lalu yakni setelah selesai dicetak Majalah Qalam bilangan 28. Jika pembaca-pembaca perhati makalahnya yang tersebut ini maka zahir kepada kita bahawa siarannya di dalam akhbar Melayu Raya itu sebagai “gambar gembur” jua tidak sebagaimana bunyi yang tersebut di dalam akhbar itu. Makalah ini terpaksa kita siarkan supaya jangan orang nanti salah faham memberi pandangan ke atasnya sebagai “ulama progresif” padahal inti siarannya boleh diaktakan sama jua – P]

## PEREMPUAN DENGAN PERGAULAN

Saya telah diminta oleh tuan pengarang majalah Qalam yang mulia melalui suratnya kepada saya yang bertarikh 27.9.52 supaya saya menulis satu rencana bagi menerangkan pendapat saya dengan alasan dan nas-nasnya berhubung dengan masalah percampuran atau pergaulan di antara laki-laki dan perempuan di luar masjid untuk siaran majalah Qalam.

Semenjak surat khabar “Melayu Raya” menyiarkan kenyataan saya berkenaan dengan masalah percampuran di antara laki-laki dan perempuan dari penulisnya di Kelantan baharu-baharu ini, tampaknya siaran dan kenyataan itu telah menarik perhatian ramai sehingga dengan melalui surat-surat khabar telah ada yang meminta penjelasan-penjelasan dan sandaran-sandaran atas pendapat saya di dalam kenyataan itu dan tuan pengarang majalah Qalam yang mulia pula mengambil kesempatan juga dengan suratnya yang tersebut itu.

Kerana menghormati kepada permintaan tuan pengarang itu dan sebagai menyempurnakan kewajipan saya, saya sambutlah permintaannya dengan menuliskan rencana ini bagi siarannya iaitu yang saya harap akan jadi penjelasan saya kepada umum dan kepada yang berkenaan jua. Sebelum daripada saya menerangkan pendapat saya dan alasan atau nas-nasnya yang lanjut saya fikir mustahak diketahui dan ditetapkan dasar Islam yang diturunkan oleh Tuhan ke dalam dunia ini lebih dahulu sebagai menjadi matlamat di dalam memahamkan huraian-huraian yang lebih lanjut berkenaan dengan soal ini. Bagi menetapkan dasar Islam ini barangkali tidaklah payah saya membawa apa-apa dalil atau keterangan kerana saya fikir tidak ada orang Islam yang akan membuat bantahan jika dikatakan “dasar Islam itu ialah untuk menciptakan suatu masyarakat dan tamadun (kemajuan) dunia yang adil dan makmur dengan kepercayaan keTuhanan yang Esa yang akan boleh menyampaikan ke akhirat (syurga) dengan selamat dan sempurna.”

Dalam hal begitupun saya memang sedar bahawa fahaman-fahaman yang berlawanan

dengan pendapat saya ini telah pun ada semenjak dari dahulu dan haruslah pula sudah tersiarnya rencana ini, penentangan-penentangan dan fahaman-fahaman yang berlawanan akan timbul lagi. Tetapi dengan berpegang kepada dasar Islam bagaimana yang tersebut itu dan dengan tidak menyentuh kepada kehormatan dan penghargaan saya yang tinggi kepada ulama-ulama yang dahulu (yang berlawanan dengan fahaman saya ini) maka pendapat saya dan alasan-alasannya ialah bagaimana di bawah ini. Tetapi sayogia diketahui bahawa apa yang disebutkan di sini bukanlah sebagai satu petua hanya ialah semata-mata fahaman dan pendapat saya untuk diri-sendiri jua. [Mengapa dinyatakan di dalam akhbar? –P]

*\*Bismillahhirrahmanirahiim\**

Firman Tuhan. *Inna ‘aradna al-amanat ala al-samawwat wa al-ard wa al-jibal fa abayna an yahmilnaha wa asyfaqna minha wa hamalaha al-insan innahu kana zoluman jahula.*

Ertinya, kami telah pelawakan kepada langit dan bumi dan bukit bukau menanggung amanah (Quran) tetapi langit dan bumi dan bukit

bukau enggan menanggungnya dan terasa ngeri kepadanya lalu ditanggung oleh manusia kerana manusia itu memang zalim lagi jahil (dalam peraturan hidupnya yang menjadikan manusia itu mustahak ada kepadanya Al-Quran).

Dengan itu adalah terang dan jelas bahawasanya Tuhan jadikan pekerjaan mengimarah dan memajukan dunia ini tertanggung di atas manusia Dan apabila dikatakan manusia maka dengan sendirinya termasuk lelaki dan perempuan kerana hanyalah dengan bersekutu dan bekerjasama kedua-dua jenis itulah baharu dapat dilaksanakan kemajuan dan tamadun dunia yang geleng-gembeleng tetapi sebaliknya dunia akan kecewa dan malap sekiranya salah satu daripada dua jenis itu tidak menyempurnakan kewajipan masing-masing atau tidak sama memikul bebannya imarah dunia yang amat berat itu.

Di dalam ayat lain firman-Nya lagi, *“Wa al-mukminat ba’dahum auliyā’ ba’da yakmuruna bi al-ma’rif wa yahauna ‘an al-munkar wa yuqimuna as-solat wa yuk tuna az-zakah wa yuti’una Allah wa rasuluhu.* Ertinya orang-orang mukmin (muslim) lelaki dan perempuan adalah menjadi rakan sejawat di antara satu sama lain.

Mereka sekalianya kenalah berbuat dan menyuruh berbuat perkata-perkara yang berfaedah, melarang berbuat jahat, mengerjakan sembahyang, mengeluarkan zakat dan taatkan Allah serta Rasul-Nya.

Di dalam ayat ini ada membayangkan bahawa kaum perempuan (Islam) adalah mempunyai tanggungan dan kewajipan yang sama berat dengan lelaki dalam hal memajukan dan membaiki keadaan masyarakat dan hal ehwal dunia dan dituntut supaya mereka (kaum perempuan) sendiri melarang orang lain jangan berbuat jahat iaitu perkara-perkara yang membawa atau yang boleh menjadi sebab bagi kemunduran dan kejatuhannya, Allah telah menjadikan dunia ini dan diperintah memajukannya dengan disediakan segala alat-alat dan bahan-bahan yang lengkap untuk membolehkan dunia ini dengan segala isinya berada di dalam keadaan maju, makmur dan aman sentosa sepenuh-penuhnya ialah supaya dunia ini dapat belayar menuju akhirat (syurga) dengan selamat dan jaya. Maka perintah yang tersebut itu bukanlah suatu perintah atau tanggungan yang mudah bahkan ialah suatu perintah dan tanggungan yang maha berat untuk menghasilkannya itu berkehendaklah ditumpu segala fikiran dan usaha tenaga dengan sepenuh-penuh serta bersungguh-sungguhannya firman Tuhan *“am hasibtum an tadkhulu al-jannah waliman yakতিকম মিসল al-lazina khalau min qablu-kum massahum al-ba’sa’ wa darra’u wa zulzilu hatta yaqula al-rasul wa alladhina amanu mata nasrullah* ertinya, adakah kamu berfikir hendak masuk syurga (dengan mudah) pada hal kamu belum terkena sebagaimana orang-orang yang dahulu iaitu ditimpa oleh huru hara kesusahan kerana perjuangan hidup dan perang sehingga Rasulullah dan orang-orang bersertanya berkata “bilakah lagi pertolongan Tuhan”

Kerjasama antara dua jenis (laki-laki perempuan) itu tentulah membawa kepada bercampur gaul dan bertukar-tukar fikiran di dalam kira bicara, rundingan-rundingan dan sebagainya. Maka di dalam perkara campur gaul di antara laki-laki perempuan inilah yang menjadi soal kita dan yang saya akan memperkatakan sekarang mengikut pendapat-pendapat saya sekadar yang dapat. Sesungguhnya soal ini ialah satu soal yang besar dan berat tetapi memikirkan tanggungan dan kewajipan kaum perempuan terhadap kepada

kemajuan –kemajuan bagaimana yang telah disebutkan itu maka semenjak setengah kurun yang akhir ini telah berlaku perbincangan-perbincangan yang hebat di setengah-setengah negara Islam terutamanya di Mesir. Di antara ulama-ulama yang mengharuskan dan menghendaki supaya perempuan itu keluar ke muka umum dengan ulama-ulama yang mempertahankan pergaulan perempuan itu dengan menguatkan alasan-alasan daripada Quran Hadith dan lain-lainnya. Pendapat saya di dalam masalah percampuran di antara lelaki perempuan itu adalah berasas dan bersandar kepada keterangan-keterangan dan nas-nas di bawah ini

(1) Firman Tuhan menceritakan perihalnya Musa tatkala mengundurkan diri dari kaumnya yang hendak membunuhnya demikian.

*Wa lamma warada ma’a madyan wajada ‘alayhi ummatan min al-nas yasquna wa wajada min damihim imra’atayn tazudan, qala ma khatbukuma qalata la nasqi hatta yashuru al-ri’a’u wa abuna shaykhun kabir fa saqa lahuma thumma tawalla ila al-zilli faqala rabbi imi lamma anzalta ilayya min khairin faqir fa jaathu ihdahuma tamshi ‘ala istihya’i qalat imna abi yad’uka lyajziyaka ajrama saqayta lana, fa lamma ja’ahu wa qassa ‘alayhi al-qasasa qala la takhaf, najawta min al-qaum al-zalimin.*

Ertinya “Tatkala Musa sampai di tempat mata air Madyan (nama tempat) ia dapati ada sekumpulan orang yang sedang memberi minum (kambing-kambingnya) selain daripada itu ada pula dua orang perempuan (perawan) yang duduk berasing Lalu Musa bertanya. Apa hal tuan berdua. Jawabnya: Kami tidak dapat memberi minum (kambing-kambing kami) melainkan sesudah selesai gembala-gembala itu dan bapa kami seorang tua. Maka Musa pun lalu memberi minum kambing keduanya kemudian kembali ke bawah teduh (bayang pokok) seraya berkata: Tuhanku! Aku sangat berhajat kepada kiriman yang engkau telah turunkan. Tiba-tiba datanglah seorang daripada perempuan tadi berjalan di dalam keadaan kemalu-maluan seraya berkata kepada Musa. Bapa saya menjemput tuan kerana hendak memberi balasan tuan memberi minum kambing-kambing kami tadi. Manakala Musa menghadap ayah perempuan itu (iaitu Nabi Syuib) serta ia (Musa) menceritakan segala hal ehwalnya. Nabi yhuib pun menjawab janganlah tuan bimbang, tuan telah terselamat daripada kaum yang zalim itu.

Daripada ayat ini dengan terangnya boleh diketahui suatu cara hidup tolong menolong dan bekerjasama yang bercampur gaul di antara laki-laki perempuan di dalam masyarakat dan urusan hidup iaitu Nabi Musa sebagai menunaikan kewajipan pergaulan telah menolong anak-anak perempuan Nabi Syuib dan anak-anak Syuib pula menolong Syuib (bapanya) di dalam pekerjaan dan tadbir rumah tangga.

Berhubung dengan ayat ini Al-Alusi tuan punya Tafsir Ruh Al-Ma’ani dan Mufi Baghdad ada memberi kupasan dan penjelasan yang lebih terang dengan katanya iaitu sekiranya dibawa musykil bagaimana tergamak Nabi Syuib membenarkan anak-anak perempuannya membawa kambingnya ke tempat itu yang ada ramai lelaki.

Jawabnya, itu tidak ada apa-apa dan agama Islam tidak meingkarkan pada nilai maruah dan kesopanan pula. Maka manusia itu mempunyai pandangan yang berlainan-berlainan dan adat-adat yang tidak serupa. Adat-adat yang dipakai pada kaum ini tidak dipakai pada kaum itu dan adat yang dipandang buruk pada kaum ini tidak dipandang buruk pada kaum yang lain. Maka

pandangan tentang adat ini terserlah pada masing-masing atau bangsa itu istimewa pula jika di dalam keadaan darurat.

Berpendu kepada ayat-ayat dan pendapat ulama Al-Alusi di atas, maka saya juga berpendapat dan mengambil fahaman bahawa percampuran di antara lelaki dan perempuan itu harus di dalam Islam kerana daripada ayat-ayat itu kita dapati Nabi Musa ada bercakap-cakap dengan perempuan yang bukan isterinya atau muhrimnya. Begitu juga Nabi Syuib telah menyuruh anak-anak perempuannya itu menjemput Musa dan balik bersekali dengannya. Tetapi oleh sebab manusia itu semulia-mulia kejadian Allah dan di dalam pergaulan itu memang ada sebab-sebab yang boleh membawa kepada kerosakan kehormatan dan kesopanan di dalam pandangan agama dan akal yang sejahtera maka untuk menyesuaikan dengan kemuliaan dan melayakkan kehormatan manusia itu Tuhan telah mengadakan beberapa aturan dan adab-adab sebagai menjadi syarat di dalam pergaulan itu untuk keselamatan dan kebajikannya. Aturan dan adab-adab itu adalah dikehendaki dan diperintahkan supaya manusia ikut dan taat kepadaNya dan dilarang melanggarnya.

Aturan dan adab-adab yang telah diaturkan oleh Islam ini sangat elok dan baik dan sebarang percampuran di antara laki-laki perempuan dengan menggunakan aturan-aturan itu adalah dipandang suci dan bersih tetapi sebaliknya jika aturan-aturan itu dilanggar maka menjadi suatu kesalahan (dosa) di dalam hukum Islam dan percampuran itu pula berupa kotor dan merbahaya.

Adab-adab dan aturan itu setengah daripadanya seperti memakai pakaian yang lengkap (berkesopanan) menundukkan mata, berjalan jauh mesti diiringi oleh penjaga, dilarang pergi ke tempat-tempat yang boleh mendatangkan fitnah dan tempat-tempat yang bersesak-sesak hingga bergesel-gesel dengan lelaki, dilarang mendedahkan diri (di luar kesopanan), mendedahkan pakaian dan perhiasan dan lain-lain lagi yang seumpamanya.

Oleh hal yang demikian maka mengurung perempuan dan menegah mereka daripada bekerja dan mencari pengetahuan dan melarang mereka sama sekali daripada hadir majlis-majlis yang mengandungi laki-laki, di dalam adab-adab dan aturan-aturan yang disajikan ayat-ayat atau hadith yang melarang percampuran yang seumpama itu hanya mana-mana yang ada daripada ayat-ayat dan hadith-hadith (yang digunakan) sebagai alasan bagi mengurung perempuan itu kesemuanya ialah ayat-ayat dan peraturan dalam percampuran antara dua jenis itu dan juga berupa amaran bagi siapa-siapa yang melanggarnya.

Dengan pandangan ini tidaklah segaya ayat-ayat dan hadith-hadith pelajaran atau amaran itu dijadikan sebagai alasan atau dalil bagi mencegah perempuan-perempuan itu dan mengurungnya dan tidaklah patut dijadikan segala pendapat-pendapat dengan jalan teori atau setengah-setengah kejadian yang buruk yang berlaku dialam percampuran di antara lelaki perempuan yang tidak mengikut aturan Islam itu menjadi halangan yang menyekat kaum perempuan itu daripada mendapat haknya yang sebenar atau menyekat dasar Islam yang suci dan benar itu daripada tersiar

Pendapat-pendapat teori atau kejadian-kejadian yang berlaki memang digunakan dan

boleh digunakan sebagai alasan bagi membuat sesuatu hukuman atau keputusan tetapi untuk membuat hukuman di dalam Islam maka Quran itulah pemutus yang akhir dan di dalam masalah ini mengikut Quran ialah sebagaimana yang saya telah huraikan di atas itu.

Islam di samping memimpin dan menyeru kepada semangat ketugasan, kesanggupan (tanggungjawab) dan keberanian, adalah mengutuk orang-orang yang penakut, lemah semangat, dan pemalas kerana sifat-sifat ini akibatnya mundur dan merosakkan imarah dunia ini.

Mana-mana orang yang terbantut untuk mendapat kejayaan dalam kewajipannya atau untuk menghasilkan cita-citanya kerana ada terbayang-bayang atau berlaku sedikit sebanyak halangan atau bahawa maka orang itu bukanlah daripada orang yang waras dan sempurna serta tidak pula mengikut garisan-garisan perjalanan yang dikehendaki oleh Islam.

Di dalam masalah ini walaupun Islam tidak melarang percampuran di antara lelaki perempuan itu, tetapi sebagaimana yang telah diterangkan masalah diikuti dan tunduk kepada syarat-syarat yang telag diatur dan disusun itu kerana syarat-syarat dan aturan itulah menjadi pedoman manusia supaya tidak sesat di dalam maksud percampuran itu. Supaya tidak menjadi sesuatu kekeliruan kepada pembaca-pembaca maka hendaklah diketahui bahawa cara percampuran yang dibenarkan oleh Islam itu tidaklah sama sekali sama atau serupa dengan cara yang dilakukan oleh orang-orang Barat atau orang-orang lain yang merupa-rupakan dirinya sebagai orang Barat itu kerana cara Barat itu adalah melampau-lampau dan tersangat jauh keluar daripada yang dikehendaki dan diperkenankan oleh Islam.

Firman Tuhan: *“Qul lil mu'minin yaghdu min absarihin wa yahfazu furujahum zalika azka lahum . inna Allah khabirun bina yasma'un . Wa qul lil mu'minat yaghdudna min absarihin wa yahfazna furujahunna wala yubdina zinatihunna illa ma zahara minha walyadribna bikumurhinnna 'ala juyubihinna wala yadina zinatihinna illa li bu'ulatihinna”* hingga akhir *“wala yadribna bi arjulihinna li ya'lama ma yukhfina min zinatihinna”* Surah An-Nur ertinya: “Hai Muhammad katakanlah kepada orang mukmin laki-laki itu hendaklah mereka menundukkan mata (pandangan) mereka. Menjaga kemaluannya yang demikian itu lebih membersihkan mereka, bahawa Tuhan sangat mengetahui apa yang mereka buat, dan katakanlah kepada perempuan-perempuan itu hendaklah menundukkan matanya (pandangan), menjaga kemaluannya dan janganlah menzahirkan perhiasan selain daripada yang tak dapat tiada yang mesti terzahir shaja dan hendaklah ditutupkan dadanya dengan kain penutup kepalanya dan janganlah mereka zahirkan perhiasan melain kepada suaminya hingga akhirnya, dan janganlah mereka menghentak-hentakkan kakinya supaya diketahui orang akan perhiasannya yang tersembunyi.”

Inilah contohnya setengah daripada syarat-syarat dan peraturan yang mesti diikuti oleh perempuan Islam di dalam masa bercampur gaul dengan laki-laki dalam menjalankan tanggungjawab dan pekerjaan masing-masing. Dari sini pembaca-pembaca tentulah boleh mengambil pengertian bagaimanakah perbezaan di antara percampuran yang dibenarkan oleh Islam dan percampuran cara Barat yang nampaknya sedang dicuba tiru oleh beberapa orang-orang kita itu.

Di dalam ayat-ayat di atas ada menyebut dalam hal yang mengenai pakaian dengan Katanya “hendaklah perempuan-perempuan itu menudung dadanya dengan penutup kepala: Dan dalam ayat lain berbunyi: “Hendaklah perempuan-perempuan itu melabuhkan baju-baju jilbabnya (baju besar atau baju kelawar) setengah-setengah bangsa dari orang-orang Islam telah menghukum perempuan-perempuan itu apabila hendak keluar dari rumah mestilah berbungkus segala tubuh badannya dan mukanya ditutup. Hanya boleh memandang melalui lubang yang dibuat pada penutup mukanya sahaja. Tetapi pendapat saya cara pakaian perempuan kita (Melayu) yang mengandungi kain batik, baju kurung dan penutup kepala (selendang) terutamanya pakaian bagi sesetengah Sekolah Arab Perempuan yang mengandungi kain batik, baju kurung panjang dan penutup kepala yang dilabuhkan di muka itu adalah pakaian yang manis dan boleh menghasilkan kehendak ayat-ayat yang tersebut itu.

Adapun selain daripada itu maka di antara ayat-ayat yang ada berkaitan dengan soal ini ialah “*ya ayyuha al-nabiy qul li azwajika in kuntuma turidna al-hayata al-dunya wa zinataha fa ta’alayna ummati’kuma wa usarrihkuma sarahan jamila wa in kuntuma turidna Allaha wa rasulahu wa al-dar al-akhirah fa inna Allah a’adda li al-muhsinati min kuma ajran ‘azima. Ya nisa’ al-nabiy man ya’li min kuma bi fahishatin mubayyinatin yuda’af laha al-‘azabu di’fayn. Wakama zalika ‘ala Allah yasira. Wa man yaqut min kuma lillahi wa rasulih wa ta’mal salihan mu’aha ajruha maratayn wa ‘a’ladna laha rizqan karima. Ya nisa’ al-nabiy lastunna ka ahadin min al-nisa’. In itaqaytunna fa la takhda’na bi al-qawli fa yatma’u alladhina fi qalbihi maradun wa qulna qawlan ma’rufa. Wa qarna fi buyutakuma wala tabarrajna tabaruj al-jahiliyyah al-ula* ertinya, “Wahai Nabi katakanlah kepada isteri-isteri engkau itu jika kamu berkehendak kehidupan (kemewahan) dunia dan kehiasannya maka marilah saya (Nabi) berikan kelazatannya dan melepaskan kamu dengan sebaik-baiknya. Tetapi sekiranya kamu berkehendakkan Allah dan rasul-Nya dan negeri akhirat maka Tuhan telah menyediakan pahala yang amat besar untuk sekalian yang berbuat baik daripada kamu. Wahai isteri Nabi, siapa daripada kamu yang melakukan kejahatan yang terang maka azabnya digandakan dua kali, hal itu di sisi Tuhan mudah sahaja. Siapa daripada kamu taatkan Allah dan rasulNya serta beramal soleh, kami (Tuhan) berikan pahala dua kali ganda juga dan kami sediakan baginya rezeki yang baik (banyak). Wahai isteri-isteri Nabi kamu tidaklah seperti seseorang perempuan yang lain sekiranya kamu takwa oleh sebab itu janganlah kamu bermanja-manja dengan perkataan-perkataan nanti orang yang ada penyakit di dalam hatinya akan terpengaruh tetapi hendaklah kamu berkata dengan perkataan yang baik dan hendaklah kamu diam tetap di rumah-rumah kamu dan janganlah kamu berdedah sebagaimana perdedahan cara jahiliah yang pertama dahulu kala.”

Berkenaan dengan al jahiliah al-ula “atau cara jahiliah dahulu kala” Itu ahli-ahli tafsir ada banyak bertelingkah mentafsirnya. Di antaranya ada yang berkata Cara hidup jahiliah ada dua peringkat (1) peringkat al jahiliah al-ula peringkat al-jahiliah al-kafir. Peringkat yang kedua itu ialah yang berhampiran dengan zaman Nabi Muhammad dan peringkat yang pertama itu lebih dahulu daripada itu iaitu masa manusia hidup di dalam keadaan kebutaan dan dikatakan pakaiannya hanya untuk menutup kemaluan sahaja dengan daun-daun

atau kulit-kulit binatang

Bagaimana pun ayat-ayat di atas itu adalah terang menuju dengan khasnya kepada isteri-isteri Nabi yang mulia kerana sebelum ayat ini turun isteri-isteri Nabi itu ada menunjukkan kegemarannya hendak berhidup sebagai isteri-isteri ketua-ketua kaum yang lain yang penuh dengan segala kemewahan, kesenangan dunia. Tetapi sebagai isteri bagi seorang pemimpin dan penganjur (Nabi) yang mereka (isteri-isteri) sendiri pun memang bersifat pemimpin juga maka kegemarannya hendak berhidup dengan segala rupa kemewahan itu adalah terlarang dan tidak dikehendaki bahkan mestilah berhidup dengan cara zuhud (sebagaimana suaminya (Nabi) sendiri) supaya pemimpin-pemimpin itu berada didala keadaan yang sebersih-bersihnya. Jauh daripada sebarang kekotoran keduniaan yang hina yang hanya menjadi ketamaan dan idaman orang-orang yang rendah mutu dan peribudinya saha dan dengan ini telah bahawa sebarang pemimpin yang mengaku-ngaku jadi pemimpin pada hal di sekeliling dirinya penuh dengan segala rupa kemewahan dunia itu bahawa pemimpin itu belum berupa sebenar-benar pemimpin. Selain daripada itu ayat-ayat yang tersebut itu ialah untuk menjadi contoh kepada perempuan-perempuan Islam supaya mereka ikut jejak langkah isteri-isteri Rasulullah sebagai panduan dan pedoman sebagaimana Rasulullah itu menjadi panduan bagi orang-orang Islam laki-laki. Tetapi saya ulangi ayat-ayat itu tidaklah dituju untuk menjadi perintah kepada kaum perempuan umum di segenap lapis dan darjat dan yang berada di mana-mana ceruk pelusuk negeri mesti membuat sama serupa seperti isteri-isteri Nabi itu kerana yang demikian itu berlawanan dengan hikmah kejadian dunia yang bermacam ceruk dan berbagai-bagai pekerjaan dan juga berlawanan dengan ayat-ayat yang dahulu serta pula tidak disokong oleh keterangan-keterangan lain yang terang

Lebih jauh ayat “*wa qarna fi buyutakuma*” hingga akhir itu apabila dicontohkan dengan ayat lain yang dahulu bolehlah difahami demikian: “Perempuan-perempuan Islam itu apabila tidak ada pekerjaan di luar hendak mereka diam di rumah tetapi sekiranya hendak keluar maka janganlah berada sebagaimana perdedahan kaum jahiliah itu.” Saya tidak mengingkari bahawa masyarakat orang Islam terutamanya pada masa ini dan di bandar-bandar pula adalah pincang dan buruk. Pada setengah-setengah tempat terlalu buruk. Ini memanglah jadi begitu kerana masyarakat ini berupa satu masyarakat membuta tuli dan orang-orang Islam yang mengambil bahagian dalam masyarakat itu tidak tahu atau pun hanya tahu dengan pengetahuan yang nipis sahaja akan cara masyarakat yang benar dan dikehendaki oleh Islam. Supaya satu masyarakat yang berupa sebenar-benar masyarakat Islam dapat diadakan maka hendaklah orang-orang Islam itu dengan bersungguh-sungguh diajar pelajaran-pelajaran Islam. Ayat-ayat yang di atas dan lain-lain lagi yang scumpamanya berserta Hadith-hadith yang berkenaan dengan soal ini diajar dan dihemburkan seluas-luasnya kepada sekalian orang-orang Islam terutamanya kepada perempuan-perempuan. Selagi orang-orang Islam tidak diberi pelajaran dan didikan secara Islam yang sebenar-benarnya maka walau apa pun dibuat untuk menghindarkan keburukan yang ditimbulkan oleh nafsu kehaiwanan di antara laki-laki dan perempuan itu sangat nipis harapannya.